

Nama:

SEJARAH TAHUN 4

Tarikh:

UNIT 8 Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka

Baca dan fahami Nota Pintar di bawah sebelum menjawab soalan.



Glosari Istilah

Istilah	Maksud istilah
Diplomat	Wakil kerajaan yang bertugas di negara lain
Empayar	Wilayah-wilayah yang dikuasai dan ditadbir oleh sebuah kerajaan
Hamba	Kumpulan masyarakat yang bekerja tanpa dibayar upah atau orang suruhan
Pengawal peribadi	Individu yang ditugaskan menjaga keselamatan individu lain
Sultan	Individu yang menjadi ketua dalam pentadbiran kerajaan
Tokoh	Individu tertentu yang dihormati dan disanjung

Struktur Masyarakat pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

Terdiri daripada golongan pemerintah dan golongan diperintah:



Kenali Tokoh Terbilang

1. Tokoh terbilang ialah individu yang dihormati dan disanjung oleh masyarakat.
2. Ciri-ciri tokoh terbilang ialah:
 - (a) Gigih seperti Parameswara yang memajukan Melaka.
 - (b) Mempertahankan kedudukan negara seperti Bendahara Tun Perak.
 - (c) Berkorban untuk negara seperti Hang Tuah.
3. Tokoh-tokoh lain ialah Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah dan Sultan Alauddin Riayat Shah.

Peranan Tokoh Terbilang

Tokoh	Peranan
Sultan	• Kedudukan tertinggi dalam masyarakat. • Lambang perpaduan rakyat. • Melantik pembesar. • Mengetuai angkatan tentera. • Ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu. • Memastikan keselamatan dan keamanan Melaka terjamin. • Penggalak kepada perkembangan ilmu pengetahuan.
Bendahara	• Penasihat sultan dalam aspek pentadbiran. • Ketua pembesar. • Membantu sultan mengembangkan agama Islam. • Menjadi ketua diplomat, ketua hakim dan mengetuai tentera Melaka. • Menjadi pemangku sultan.
Laksamana	• Mengetuai angkatan laut Melaka. • Mengetuai utusan rasmi kerajaan. • Menjadi duta Melaka. • Menjadi pengawal peribadi sultan. • Menjaga keamanan di perairan dan keselamatan pedagang.

LATIHAN

Gunakan nota dan buat bacaan buku teks muka surat 106-107 untuk menjawab soalan di bawah.

A Lengkapkan susun lapis struktur masyarakat Kesultanan Melayu Melaka di bawah. **TP1**

Golongan Pemerintah	1.
	2.
Golongan Diperintah	3.
	4.

B Lengkapkan maklumat di bawah berkaitan struktur masyarakat Kesultanan Melayu Melaka. **TP1**

Struktur Masyarakat	Huraian
1. Sultan	(a) _____ tertinggi dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. (b) Merupakan simbol _____ rakyat Melaka.
2. Pembesar	(a) Dilantik oleh _____. (b) Membantu sultan dalam _____ negeri atau kerajaan.
3. Rakyat	(a) Merupakan _____ asal Kesultanan Melayu Melaka. (b) Menjadi _____ sultan dan pembesar.
4. Hamba	(a) Merupakan _____ kepada sultan dan pembesar. (b) Status pemilik berdasarkan bilangan _____ yang dimilikinya.